



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN
BANTUAN RAMADAN PARLIMEN TANGGA BATU
4 MEI 2021 (SELASA), JAM 5.00 PETANG
DI JAPERUN KLEBANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum warramatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.**

Terima kasih Pengacara Majlis;

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Apa khabar semua? Saya doakan moga semua saudara dan saudari yang berada di hadapan saya pada hari ini sihat walafiat.
2. Alhamdulillah, diam tak diam, hari ini merupakan hari yang ke-22 kita berpuasa iaitu bersamaan 22 Ramadan 1442H. Marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita diberi nikmat kesihatan yang baik untuk hadir ke Majlis

Penyampaian Sumbangan Bantuan Ramadan Parlimen
Tangga Batu bagi tahun ini.

3. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak urus setia yang menjayakan majlis yang cukup bermakna ini dengan baik. Semoga usaha yang mulia ini diberkati oleh Allah S.W.T.
4. Terima kasih juga diucapkan kepada dif-dif jemputan serta semua penerima sumbangan yang dapat hadir di majlis ini.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

BULAN RAMADAN

5. Ramadan adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam saban tahun, kerana bulan inilah bulan yang penuh dengan keberkatan. Kini, kita telah pun berada dalam fasa 10 malam terakhir Ramadan di mana, fasa inilah yang paling ditunggu-tunggu dan dikejar-kejar oleh umat Islam kerana terdapatnya satu malam penuh berkat yang lebih baik daripada seribu bulan untuk melaksanakan amal ibadat yang dikenali sebagai malam Lailatul Qadar.

6. **Sabda Rasulullah SAW** yang bermaksud,

"Sesiapa yang beribadah pada Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan penuh pengharapan kepada keredaan Illahi, nescaya dia akan diampuni segala dosanya yang lampau." (Hadis riwayat Muslim)

7. Justeru, seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT, bulan Ramadan adalah bulan terbaik untuk kita meningkatkan segala amal kebaikan serta melipatgandakan amal ibadat kepada-Nya di samping memperbanyakkan juga amalan bersedekah kepada golongan yang memerlukan.

8. Saya difahamkan, pada hari ini, **seramai 120 orang** bakal menerima sumbangan bantuan Ramadan di Parlimen Tangga Batu bagi tahun ini. Semoga, sumbangan ini sedikit sebanyak dapat mencerikan dan memberi kegembiraan kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk meraikan kedatangan 1 Syawal nanti.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PEMATUHAN TERHADAP SOP BAZAR RAMADAN

9. Ramadan kali ini agak berbeza berbanding tahun sebelumnya di mana pada tahun ini, Kerajaan Negeri Melaka telah membenarkan operasi bazar Ramadan, penyediaan bufet Ramadan di hotel-hotel serta kedai-kedai makanan. Kerajaan Negeri juga membenarkan pelaksanaan solat Tarawih di masjid-masjid, surau-sarau serta madrasah-madrasah di negeri ini, tertakluk kepada Porsedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

10. Di kesempatan ini, suka saya mengingatkan kepada semua bahawa kebenaran yang diberi ini adalah bersyarat dan menjadi tanggungjawab ke atas diri tuan-tuan dan puan-puan untuk memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dipatuhi pada setiap masa.

11. Saya mahukan rakyat Melaka mengambil iktibar daripada isu penutupan 22 bazar Ramadan di tujuh negeri di Semenanjung Malaysia disebabkan tidak mematuhi SOP. Biarpun bazar di Melaka tidak disenaraikan oleh Kementerian Perumahan dan Kajian

Tempatan (KPKT), namun ia sebagai peringatan untuk kita terus mematuhi SOP, sekiranya kita tidak mahu melihat bazar Ramadan ditutup dalam masa beberapa hari sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri.

12. Saya sangat mengambil berat terhadap penularan wabak COVID-19, terutamanya apabila bilangan kes yang semakin meningkat semula di Negeri Melaka. Saya mohon kerjasama saudara dan saudari untuk sentiasa memakai pelitup muka, sentiasa membasuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer*, serta sentiasa menjaga penjarakan fizikal.

13. Seperkara lagi, saya juga mohon kerjasama semua rakyat Melaka untuk membuat pendaftaran bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 dengan segera bagi memutuskan rantai COVID-19. Pendaftaran vaksinasi ini boleh dibuat secara dalam talian, menerusi aplikasi MySejahtera atau laman sesawang khas di www.vaksincovid.gov.my, atau menerusi Borang Pendaftaran Vaksin yang telah diedarkan menerusi JPKK.

PENUTUP

14. Akhir kata, kepada semua penerima sumbangan yang diraikan pada petang ini, semoga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, sedikit sebanyak dapat memberi peluang untuk saya beramah mesra dan berinteraksi dengan semua, seterusnya melaksanakan hasrat kerajaan dalam menyampaikan amanah secara terus kepada rakyat.

15. Pada kesempatan ini, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ